



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

KPKT PERKASAKAN EKONOMI ANAK MUDA MELALUI MYKIOSK DI KEDAH

SINTOK, 1 Februari 2026 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terus memperkukuh komitmennya terhadap pembangunan ekonomi rakyat melalui **Inisiatif MyKiosk** untuk **memperkasakan golongan B40, peniaga dan penjaja kecil** melalui penyediaan kemudahan tapak niaga yang lebih teratur, bersih, selamat dan berdaya saing.

Pada tahun 2023, KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah menyediakan sebanyak **3,189 unit kiosk melibatkan 114 PBT** bagi membina baharu kiosk sebagai kemudahan penjaja kecil di seluruh negara. Berdasarkan pencapaian dan penerimaan yang baik terhadap program MyKiosk, KPKT meneruskan pelaksanaannya di bawah **MyKiosk 2.0 bagi tahun 2024 dan telah menyediakan sebanyak 4,054 unit kiosk tambahan** yang dibina di 100 PBT bagi memberikan manfaat kepada penjaja kecil di seluruh negara.

Sempena lawatan dua (2) hari ke Kedah, Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman bin Taib telah menyempurnakan **Majlis Perasmian Tapak MyKiosk Amanjaya 1 Bandar Belia (Youth Town), Sungai Petani, Kedah**. Turut hadir ialah Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sungai Petani, Yang Mulia Tunku Iskandar Shah bin Tunku Muszaffar Shah Projek. Lokasi Amanjaya 1 “Youth Town” merupakan tapak penggantian peniaga sedia dan telah diserahkan kepada peniaga pada 30 Jun 2025 mempunyai nilai kreativiti dan inoasi bercirikan tema tempatan.

YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman bersama pasukan KPKT turut melawat lokasi penempatan **MyKiosk@Kampus di Universiti Utara Malaysia (UUM)**, Sintok bertempat di Tapak MyKiosk, INASIS Luar Kampus. Penyerahan 13 unit MyKiosk ini adalah merupakan inisiatif pertama yang dilaksanakan oleh KPKT melalui kerjasama Majlis Perbandaran Kubang Pasu, Kedah yang bertujuan memperkasa pembangunan

keusahawanan pelajar serta menyediakan platform perniagaan yang lebih kondusif dan berdaya saing.

“Penempatan MyKiosk ini secara langsung akan mengukuhkan ekosistem keusahawanan pelajar di UUM, malah membuka lebih banyak peluang kepada pelajar untuk terlibat secara aktif dalam perniagaan berpremis”, kata beliau pada **Majlis Penyerahan dan Pelancaran MyKiosk@Kampus di UUM** pada 31 Januari 2026.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Naib Canselor Universiti Utara Malaysia, YBhg. Prof. Dr. Ahmad Martadha Mohamed; pegawai KPKT serta ketua jabatan UUM.

#MalaysiaMADANI
#Kemampanan
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my